

# BORNEO: ANTARA PEMBANGUNAN DAN NILAI-NILAI KEBAJIKAN DAN BUDAYA

Hanafi Hussin & Mohammad Raduan Mohd Ariff

Borneo yang mempunyai keunikan tersendiri tidak ketinggalan dalam mengorak langkah mengejar pembangunan khususnya wilayah-wilayah yang terletak di Borneo Utara iaitu Sabah, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam. Sabah dan Sarawak sentiasa menyahut seruan pembangunan seiring dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Semenanjung Malaysia, namun, dalam mengejar pembangunan, nilai-nilai kemanusiaan tidak harus dilupakan. Kebajikan di kalangan masyarakat yang mengikuti arus pembangunan harus dijaga dengan melakukan program-program yang bersesuaian serta memelihara nilai-nilai budaya tradisi. Amalan-amalan tradisi yang diwarisi sejak zaman nenek moyang juga dilestarikan kerana amalan-amalan budaya yang diamalkan telah menjadi lambang identiti sejak berzaman lagi.

Pembangunan yang dinikmati oleh sesebuah negara secara keseluruhannya adalah melalui kegiatan eksport dan import. Perdagangan Antarabangsa yang menjadi kegiatan utama ini dianggap sebagai jentera pembangunan seperti yang dibincangkan oleh Fumitaka Furuoka & Qaiser Munir dalam makalah mereka yang bertajuk *Exports, Imports and Economic Development in Sabah: New Empirical Evidence*. Dengan menggunakan data empirikal, kajian ini menilai perhubungan antara perdagangan antarabangsa (eksport dan import) yang menjadi tonggak pembangunan ekonomi negeri Sabah. Walau bagaimanapun, didapati bahawa analisis empirikal impak perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi Sabah adalah kurang. Walaupun pergantungan terhadap eksport dan import adalah sangat penting untuk menjana ekonomi negara namun ia harus mempelbagaikan sumbernya. Kebergantungan kepada satu atau dua sumber sebagai eksport utama negara adalah tidak mencukupi bagi menjana pendapatan Negara. Misalnya, Negara Brunei Darussalam yang hanya bergantung pada sumber minyak dan gas asli sebagai sumber utama perdagangan antarabangsanya adalah tidak mencukupi dan ia lama-kelamaan akan membuatkan sistem pembangunan negara menjadi tidak seimbang. Hanizah Idris dalam makalah yang bertajuk "*Kebergantungan kepada Sumber Minyak*", *Mampukah Negara Brunei Darussalam Mempelbagaikan Ekonominya* menyatakan bahawa Brunei amat bergantung kepada eksport minyak mentah dan gas asli yang merangkumi 80 peratus pendapatan kerajaan dan tumpuan terhadap industri pembuatan amat kecil sekali. Menyedari hakikat bahawa bekalan bahan mentah petroleum dan gas asli tidak akan kekal, maka kerajaan Brunei mula memikirkan untuk melaksanakan kepelbagaian ekonomi negara tersebut kerana pergantungan kepada sumber petroleum semata-mata adalah tidak wajar.

Kemajuan yang dicapai dalam pelbagai ekonomi memerlukan pengurusan yang sistematik. Sejarah membuktikan bahawa sewaktu Borneo Utara ditadbir oleh Kerajaan Inggeris dengan sistem pengurusan yang baik, ekonomi kapitalis yang termusnah dihidupkan semula termasuk sektor perikanan. Mohammad Raduan Mohd Ariff dan rakan-rakan mendapati bahawa perkembangan perusahaan perikanan selepas Perang Dunia Kedua lebih ditentukan oleh gandingan peranan yang dimainkan oleh pihak pemerintah Inggeris dan golongan pemodal Cina. Dalam makalah mereka yang bertajuk *Perusahaan Perikanan di Borneo Utara di bawah Pentadbiran Crown Colony, 1945-1963* mendapati bahawa pemerintah Inggeris buat pertama kali telah terlibat secara langsung dalam merancang, menyediakan peruntukan, menerapkan teknologi dan lain-lain bentuk campur tangan dalam sektor perikanan di Borneo Utara. Kemajuan yang ditunjukkan oleh mereka seharusnya dilihat secara positif dan dijadikan contoh dalam pelbagai aspek tersebut termasuklah pengurusan maklumat. Sistem Maklumat Geografi (GIS) merupakan salah satu kaedah yang baik untuk pengurusan seperti yang dilakukan dalam sektor perikanan di negeri Sabah. Kajian oleh Mohammad Raduan Mohd Ariff dan rakan-rakan yang bertajuk *Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) Dalam Pengurusan Sektor Perikanan Negeri Sabah* mendapati bahawa pengurusan sektor perikanan secara holistik dan sistematik memainkan peranan penting di dalam memastikan kelestarian sumber perikanan dan dalam masa yang sama sumbangan sektor ini dalam pembangunan sosioekonomi sentiasa berkembang dan berterusan pada paras paling optimum. Jumlah tangkapan sektor perikanan marin bagi Negeri Sabah memerlukan satu sistem pengurusan lebih menyeluruh yang berobjektifkan penghasilan sumber ikan secara mampan (*sustainable*), pulangan ekonomi kepada kerajaan dan juga pulangan dari segi sosioekonomi dalam penyediaan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat. Mereka menegaskan bahawa dalam hal ini satu sistem pengurusan yang bersepadu secara menyeluruh adalah sangat penting diaplikasikan dalam sektor perikanan kerana pemantauan terhadap sumber dan juga usaha-usaha perikanan adalah kunci kepada kejayaan mencapai matlamat pengurusan sektor perikanan. Sistem maklumat geografi (GIS) merupakan satu sistem terkini yang dapat membantu pihak berkuasa dengan lebih berkesan dalam menguruskan sumber perikanan secara lebih menyeluruh dan sistematik.

Kepelbagaian kegiatan ekonomi Negeri Sabah berlaku kerana ia kaya dengan sumber-sumber alam semula jadi termasuklah kegiatan pelancongan berasaskan alam semula jadi atau ecotourism. Rosazman Hussin dan Goh Hong Ching membincangkan betapa Sabah yang kaya dengan sumber alam semula jadi dapat merencanakan kegiatan ekopelancongan negeri ini. Rosazman Hussin dalam makalahnya *Ecotourism, Local Community and "Partners For Wetlands" in the Lower Kinabatangan Area of Sabah: Managing Conservation or Conflicts* menyatakan bahawa Hulu Kinabatangan termasuk Sukau mempunyai potensi yang besar dalam ecotourism kerana masih memiliki beberapa spesies binatang yang sudah jarang ditemui seperti orang utan, monyet proboscis, gajah Borneo, burung-burung dan reptilia-reptilia. Oleh yang demikian bagi memastikan ecotourism yang dimajukan tidak menghapuskan spesies hidupan tersebut maka perkara-perkara utama berhubung dengan konservasi perlu dirancang dan dilaksanakan secara bijak dengan pihak-pihak yang terlibat di daerah tersebut.

Selain daripada hidupan liar yang banyak memberikan sumbangan terhadap ecotourism, kawasan-kawasan yang mempunyai nilai-nilai keindahan semula jadi turut memberikan sumbangan terhadap pelancongan dan menjana pendapatan kepada penduduk tempatan yang terlibat. Goh Hong Ching dalam makalah yang bertajuk *Mountain Guiding in Kinabalu Park: an Evaluation of Visitor Satisfaction* menyatakan bahawa perkembangan pelancongan berasaskan ecotourism ini tidak hanya memberi manfaat kepada penduduk tempatan sahaja tetapi memberi impak kepada organisasi yang menguruskan tapak-tapak ecotourism tersebut seperti Taman Kinabalu (Kinabalu Park). Kinabalu Park merupakan antara taman di Malaysia yang masyhur kerana dapat menarik paling ramai pengunjung. Kemasyhurannya disebabkan program mendaki Gunung Kinabalu dimasukkan sebagai salah satu program utama kepada pengunjung ke taman tersebut. Ia menjadi aktiviti pelancongan yang sangat memberangsangkan dan menjadi sumber pendapatan yang besar kepada taman ini. Aktiviti pendakian dibantu oleh masyarakat tempatan yang mempunyai lesen sebagai pemandu dan diuruskan oleh pengurusan Kinabalu Park. Bantuan ini bukan sahaja membantu pihak Kinabalu Park dari segi keselamatan pendaki malah turut menjana pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Pembangunan di Borneo yang diusahakan dan dinikmati dari semasa ke semasa tidak hanya mengejar kepada keuntungan dan pendapatan yang tinggi. Pembangunan yang diusahakan turut mengambil kira perkara-perkara yang berhubungan dengan nilai-nilai sosial. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian adalah kemiskinan dan kebajikan sosial pekerja-pekerja yang terlibat dalam merealisasikan pembangunan. Kajian-kajian mengenai kemiskinan dan kebajikan pekerja sentiasa diusahakan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap kemiskinan yang berterusan dan juga permasalahan sosial mereka yang timbul seperti kajian yang bertajuk *Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional di Sabah: Kajian Kes di Daerah Kota Belud* oleh Mohammad Raduan Mohd Ariff dan rakan-rakan, *Amalan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Melalui Konsep Penyertaan Pekerja: Kajian Kes di Kilang Sawit LM, Sandakan Sabah, Malaysia* oleh Balakrishnan Parasuraman dan rakan rakan serta Azman Ismail dan Cindy John yang bertajuk *Kepuasan Kerja, Sikap Terhadap Wang dan Keinginan Untuk Berhenti Kerja: Kajian Kes di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah*.

Dalam makalah yang bertajuk *Penilaian Semula Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan Tradisional di Sabah: Kajian Kes di Daerah Kota Belud*, Mohammad Raduan Mohd Ariff dan rakan-rakan mendapati bahawa bantuan dan subsidi serta perkakasan yang diberi oleh kerajaan dalam program pembasmian kemiskinan nelayan di Malaysia mempunyai pelbagai masalah. Jika selama ini pelbagai usaha oleh banyak pihak lebih menumpukan kepada usaha membantu nelayan dengan subsidi dan bantuan, maka sudah sampai masanya untuk dikaji mengapa usaha untuk membawa nelayan keluar dari lingkungan kemiskinan belum mencapai kejayaan yang memberangsangkan. Nelayan miskin disebabkan oleh pelbagai perkara yang berada di sekeliling kehidupan mereka, maka kemiskinan tersebut adalah hasil dari kegagalan dalam satu sistem yang lebih besar. Sistem ekonomi dan politik yang diamalkan sebagai contoh adalah penentu kepada kesejahteraan hidup jika sistem ekonomi kapitalis yang menggalakkan penyertaan golongan pemodal dalam pembangunan sektor perikanan diamalkan, maka sudah tentu ia

memberi kesan kepada golongan nelayan tradisional yang tidak mempunyai modal besar. Ini yang menjarakkan golongan kaya (banyak modal) dan golongan miskin (tiada modal) dalam persaingan di sektor perikanan. Begitu juga lingkungan pembangunan yang diamalkan di luar lingkungan sektor perikanan seperti pembangunan sektor hartanah dan industri pelancongan juga memberi kesan kepada kehidupan nelayan. Semua isu dan masalah pokok ini perlu diselesaikan sebelum kita menyelesaikan masalah kemiskinan nelayan tradisional yang merupakan satu dari cabang atau mungkin hanya satu ranting masalah yang berlaku dalam sektor perikanan pinggir pantai.

Dalam mengejar keuntungan dan kekayaan bagi menambah pendapatan banyak pihak yang terlibat sama ada golongan peniaga, pengusaha dan juga pekerja. Pekerja-pekerja merupakan aset kepada pembangunan negara. Oleh itu, dalam setiap sektor pekerjaan hal-hal yang berkenaan pekerja perlu diutamakan khususnya kebajikan dan keselamatan mereka di tempat kerja. Keadaan yang terjamin tersebut akan membolehkan pekerja menjalankan kerja dalam keadaan yang selesa. Balakrishnan Parasuraman dan rakan-rakan yang memfokuskan kajian kepada amalan *Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Melalui Konsep Penyertaan Pekerja (employee participation) di Kilang Kelapa Sawit LM, Sandakan, Sabah* mendapati amalan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) di Kilang Sawit LM sememangnya melibatkan penyertaan pekerja dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja. Dengan adanya penyertaan pekerja dalam jawatankuasa ini membolehkan mereka bekerja dalam keadaan yang lebih terjamin dan kondusif. Keadaan ini akan menjadi faktor penyumbang kepada seseorang itu mengekalkan diri dalam sektor pekerjaan yang diceburi. Namun, adalah sebaliknya jika keadaan itu tidak tercapai yang berhubungan dengan kepuasan pekerjaan. Interaksi di antara kepuasan kerja intrinsik dan sikap terhadap wang mampu mengurangkan keinginan pekerja daripada berhenti secara sukarela. Bagaimanapun, interaksi di antara kepuasan kerja ekstrinsik dan sikap terhadap wang pula tidak mampu mengurangkan keinginan pekerja untuk berhenti secara sukarela. Sikap terhadap wang bertindak sebagai pemboleh ubah penyederhanaan separa dalam model kepuasan kerja dalam sesuatu organisasi. Ini dapat dilihat dalam makalah yang bertajuk *Kepuasan Kerja, Sikap Terhadap Wang dan Keinginan untuk Berhenti Kerja: Kajian Kes di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah* oleh Azman Ismail dan Cindy John. Mereka menyatakan bahawa sikap terhadap wang sebagai pemboleh ubah penyederhanaan dalam model kepuasan kerja di mana kepuasan kerja bersifat ekstrinsik dan intrinsik ke atas keinginan pekerja untuk berhenti secara sukarela adalah tidak konsisten apabila sikap terhadap wang hadir dalam organisasi.

Kemajuan yang di kecapai oleh Borneo dalam pelbagai hal menunjukkan bahawa pulau ini adalah makmur. Kemakmurannya telah menggamit ramai orang datang berkunjung untuk mencuba nasib dan menambahkan rezeki bagi meneruskan kehidupan yang sejahtera. Secara tidak langsung dengan faktor-faktor penggalak yang dinyatakan tersebut membuatkan komposisi penduduk di Pulau Borneo mengalami perubahan seperti yang berlaku di Negeri Sarawak. Pada umumnya Sarawak mengalami kadar pertumbuhan penduduk purata tahunan yang tinggi melebihi 2.3 peratus setahun sejak tahun 1970 seperti yang dibincangkan oleh Usman Yaakob dan Tarmiji Masron dalam makalah mereka yang bertajuk

*Perubahan Komposisi dan Taburan Penduduk Sarawak, 1970-2000.* Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang perubahan komposisi penduduk seperti struktur umur, jantina, taraf perkahwinan, pekerjaan, pendidikan dan kenal huruf, aktiviti ekonomi serta perbandaran dan taburan geografi penduduk berdasarkan kepada data banci penduduk Malaysia tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000. Menurut mereka, saiz, pertumbuhan dan taburan penduduk di Sarawak telah berubah sejak lima dekad yang lalu di mana pertumbuhan ini didorong oleh dua faktor iaitu lebih kesuburan daripada kematian dan aliran migrasi masuk dan keluar ke Sarawak. Keadaan tersebut jelas menunjukkan bahawa pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang terdapat di Borneo dengan dibantu oleh agensi-agensinya yang terlibat serta penyertaan pihak awam dan swasta telah memberikan manfaat kepada masyarakat di Borneo.

Dalam mengecap pembangunan dalam kehidupan seharian, nilai-nilai rohani dan jasmani perlu diseimbangkan. Masyarakat Borneo juga patuh dan taat dengan ajaran agama yang dianuti. Dari semasa ke semasa kegiatan penyebaran agama di kalangan masyarakat terus dilaksanakan sama ada Islam mahupun Kristian atau agama-agama lain. Dalam menyebarkan agama banyak strategi dan langkah yang digunakan khususnya di Borneo yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan budaya dan agama seperti di Negeri Sarawak. Sehingga kini Islam bukan merupakan agama rasmi bagi negeri ini, di mana sebahagian besar daripada penduduk di negeri ini menjadi penganut agama Kristian serta agama-agama lain selain Islam. Dalam usaha menyebarkan agama Islam di Sarawak, para ulama ini berhadapan dengan pelbagai masalah seperti yang dibentangkan oleh Zainab Ismail dan rakan-rakan dalam makalah bertajuk *Cabaran Ulama Borneo Dalam Penyebaran Agama Islam di Sarawak*. Seseorang yang sudah menganut Agama Islam akan sentiasa cuba mempertahankan agamanya. Dengan adanya Majlis Agama Islam, pemantauan juga dilakukan oleh pihak pemerintah. Negara Brunei Darussalam misalnya dengan slogan dan motonya Melayu Islam Beraja amat tegas dengan melakukan pemantauan terhadap masyarakat Islam di negara tersebut khususnya dalam pemikiran Islam itu sendiri. Wan Zailan Kamaruddin dan Ahmad Zuhdi Ismail dengan makalah yang bertajuk *Masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran Dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi* membincangkan permasalahan ini yang mana pelbagai persoalan, isu dan cabaran yang datang dari dalam mahupun luar. Bagaimanapun, isu dan cabaran yang dihadapi berbeza berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. DDW Saadiah Haji Tamit menguatkannya lagi dengan hujah bahawa, dalam menyeimbangkan dengan pemikiran Islam ini, masyarakat Islam yang berada dalam arus pembangunan harus menitikberatkan hal-hal yang berhubungan dengan rohani dan jasmani dalam makalahnya yang bertajuk *Kampong Ayer Brunei Darussalam: Meniti Arus Pembangunan*.

Nilai-nilai kerohanian yang dibincangkan dalam Borneo Research Journal Volum 3 ini tidak sahaja memfokuskan kalangan masyarakat Islam malah turut membincangkan aspek keseimbangan antara rohani dan jasmani di kalangan masyarakat pribumi seperti yang berlaku di negeri Sabah iaitu di kalangan masyarakat Dusun Lotud di Tuaran. Jacqueline Pugh-Kitingan dan rakan-rakan membincangkan bahawa pentingnya diwujudkan keseimbangan di antara

kehidupan yang berada di alam fizikal dan alam spiritual. Dengan mengambil contoh ritual *Mamahui Pogun* yang merupakan ritual pembersihan dunia, masyarakat Dusun Lotud melakukannya kerana berlaku banyak perkara yang tidak baik di kalangan masyarakat seperti perhubungan songsang, golongan muda tidak menghormati orang tua, merebaknya pelbagai penyakit, kejadian musibah dan bencana alam seperti banjir, kemarau dan sebagainya. Makalah mereka yang bertajuk *The Symbolic Articulation of Interactions Between the Seen and the Unseen Through Gong Ensemble Music and Dance in the Lotud Mamahui Pogun* membincangkan lebih mendalam hal ini dengan membincangkan peranan tantagas sebagai pelaku ritual tersebut dan menghubungkan peranan muzik gong dalam merealisasikan ritual tersebut.

Borneo yang terdiri daripada sebahagian daripada Malaysia dan Indonesia serta Brunei Darussalam memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan masyarakatnya. Sabah dan Sarawak serta Brunei Darussalam jelas menjalankan peranan masing-masing dalam agenda pembangunan bagi kedua-dua buah negara. Negara Indonesia dengan Wilayah Kalimantan juga tidak terlepas dalam mengorak langkah dalam memajukan pelbagai aspek dalam pembangunan negara. Dengan pembangunan yang dirancang dengan baik serta pelaksanaan yang dilakukan mengikut landasan yang betul dan berkesan, maka ia akan menjamin kejayaannya dan masyarakat turut mendapat manfaatnya. Kebajikan rakyat yang terus terpelihara selaras dengan pembangunan yang dilaksanakan dapat menjamin rakyat hidup dalam keadaan yang aman, damai serta harmoni. Selaras dengan itu, nilai-nilai murni dalam kehidupan dapat terus dipupuk dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian pembangunan yang menjadi tonggak kekuatan negara yang dilaksanakan akan memastikan masyarakat akan dapat terus memelihara nilai-nilai sosial dan amalan-amalan yang sudah menjadi tradisi sejak berzaman lagi.